



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 16 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN BERI KEBENARAN KHAS EKSPORT BEBERAPA KOMODITI AYAM, KATA MAFI, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KERAJAAN BENAR EKSPORT AYAM KAMPUNG, AYAM HITAM, SH -ONLINE	
3.	KABINET SETUJU LAKSANA 3 LAGI INTERVENSI TAMBAHAN TANGANI ISU BEKALAN MAKANAN, HM -ONLINE	
4.	iGROW TAWAR LAHIR TENAGA MAHIR SEKURITI MAKANAN, UM -ONLINE	
5.	MALAYSIA PERLU KEMBALI JADI NEGARA PERTANIAN, UTUSAN DIGITAL -ONLINE	
6.	MALAYSIA EASES BAN ON EXPORTS OF LIVE PREMIUM CHICKEN, BLOOMBERG -ONLINE	
7.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	
8.	100 KOPERASI DI BAWAH ANGKASA SEDIA SERTA! TERNAKAN AYAM, MUKA DEPAN, BH -1	
9.	ANGKASA LULUS RM14.26j JALANKAN PROJEK BAHARU, NASIONAL, BH -5	
10.	PENGIMPORT DIBERI AMARAN TAK SALAH GUNA KEBENARAN, NASIONAL, BH -5	
11.	KUASAI TEKNOLOGI MODEN MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA, KOMENTAR, BH -11	
12.	HIDUPKAN SEMULA BUKU HIJAU TAMPUNG KEPERLUAN MAKANAN, MINDA PEMBACA, BH -13	
13.	KERAJAAN BERI KEBENARAN KHAS EKSPORT AYAM, LOKAL, HM -16	
14.	TELITI DASAR IMPORT BAHAN TERNAKAN, LOKAL, HM -16	
15.	AYAM KAMPUNG, AYAM HITAM DIBENAR EKSPORT, NASIONAL, SH -9	
16.	PENGLIBATAN NAFAS, ANGKASA MERUGIKAN?, DALAM NEGERI, UM -9	
17.	ANGKASA MAHU HASIL 2.5 JUTA EKOR AYAM SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -9	
18.	TARIK KEBENARAN IMPORT RUMINAN DARI THAILAND JIKA WABAK MELETUS, NEGARA, KOSMO -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
19.	NELAYAN ASING KAUT HASIL LAUT, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
20.	GAJI PATI JADI KRU, LOKAL, HM -3	
21.	FELDA KOMITED BANTU ATASI ISU SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -5	LAIN-LAIN
22.	FELDA RANCANG LAKSANA PROJEK TANAMAN JAGUNG BIJIAN, NASIONAL, SH -10	
23.	KERBAU ELBINO KAWAN BAIK WAN NUR ZAHIRAH, NEGARA, KOSMO -14	
24.	PROJEK JAMBATAN SUNGAI PULAI JEJAS NELAYAN, NASIONAL, BH -21	
25.	SYOR UBAH LOKASI TEROWONG DASAR LAUT, NASIONAL, BH -21	
26.	TAKUNG AIR ELAK SAWAH JADI KERING, NEGARA, KOSMO -17	
27.	SERONOK 'MAKAN GAJI' HASIL TITIK PELUH SENDIRI DI KEBUN TIMUN, NEGARA, KOSMO -18	
28.	SWEET NIRA TERENGGANU, FIKRAH, HAKAKAH -F1	
29.	MINUMAN ISOTONIK 'SWEET NIRA' TERENGGANU, FOKUS, HAKAKAH -F2 & F3	
30.	MARKET ECONOMICS, NEWS, NST -4	
31.	SPECIAL PERMISSION TO EXPORT CHICKEN, NEWS, NST -4	
32.	12,000 HECTARES IDENTIFIED FOR GRAIN CORN CULTIVATION, NEWS, NST -6	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

## Kerajaan beri kebenaran khas eksport beberapa komoditi ayam, kata Mafi



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hari ini mengumumkan kebenaran khas diberikan untuk pengeksportan beberapa komoditi berasaskan ayam berkuat kuasa serta merta. – Gambar fail The Malaysian Insight, 15 Jun, 2022.

KERAJAAN memutuskan bahawa kebenaran khas diberikan untuk pengeksportan beberapa komoditi berasaskan ayam berkuat kuasa serta merta, umum Kementerian Pertanian Dan

Industri Makanan (Mafi) hari ini.

Mafi dalam kenyataan hari ini berkata kebenaran khas itu hanyalah untuk ayam daging berwarna termasuk ayam kampung dan ayam hitam; semua produk berasaskan ayam, dan Day Old Chick (DOC) Parent Stock sahaja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Kerajaan benar eksport ayam kampung, ayam hitam



PUTRAJAYA - Ayam kampung dan ayam hitam antara tiga produk komoditi yang diberi kebenaran khas oleh kerajaan untuk dieksport.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi kenyataannya pada Rabu memaklumkan, semua produk berasaskan ayam dan Day Old Chick (DOC) Parent Stock turut diberi kebenaran eksport.

"Keputusan itu dibuat setelah beberapa siri perbincangan dengan pemain industri dan persatuan penternak diadakan," katanya.

Ujar MAFI, konsainan eksport komoditi tersebut perlu diuruskan sewajarnya oleh pemilik permit.

Dalam pada itu, MAFI menegaskan, larangan eksport untuk ayam pedaging, ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam DOC umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia Maqis," katanya.

Kementerian itu berkata, kerajaan memandang serius sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan terhadap kebenaran khas berkenaan.

Sekiranya terdapat pelanggaran, tindakan di bawah Subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 [Akta 728] boleh diambil.

"Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan sehingga tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Pada 23 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pemberhentian eksport ayam sebanyak 3.6 juta sebulan mulai 1 Jun.

Langkah jangka pendek yang diputuskan kabinet itu diteruskan sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dengan keutamaan terhadap bekalan rakyat negara ini.

Portal Singapura, MediaCorp pada Selasa melaporkan Malaysia menarik balik sebahagian larangan pengeksportan ayam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Kabinet setuju laksana 3 lagi intervensi tambahan tangani isu bekalan makanan



PENJUAL ikan di Pasar Jalan Raja Bot, Chow Kit. FOTO Aizuddin Saad

Kuala Lumpur: Kabinet hari ini bersetuju dengan pelaksanaan tiga lagi intervensi tambahan bagi menangani isu bekalan makanan negara sekali gus merancakkan aktiviti pengeluaran makanan domestik.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, intervensi itu adalah Program Kebuniti Keluarga Malaysia, Program Stokpail Ikan Segar Beku Q-FISH serta penambahan abatoir dan loji pemprosesan luar negara.

"Program Kebuniti Keluarga Malaysia dengan peruntukan RM30 juta bagi 2022 dapat memanfaatkan hampir 1,350 penerima yang terdiri daripada pelbagai peringkat termasuk komuniti, usahawan dan koperasi terlibat dalam rantaian pengeluaran pertanian komuniti.

"Program Stokpail Ikan Segar Beku Q-FISH pula sebagai persediaan untuk menampung bekalan semasa musim tengkujuh dan monsun melibatkan penyediaan kuantiti stokpail (simpanan stok) sebanyak 1,000 tan metrik dengan peruntukan RM7 juta," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, bagi program itu, sebanyak 135 pasar nelayan dan 103 outlet sedia ada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dimanfaatkan sebagai saluran pasaran serta ejen baharu dengan fasiliti penyimpanan bakal diwujudkan di 222 kawasan Parlimen melibatkan peruntukan RM2.7 juta.

Ronald berkata, inisiatif penambahan abatoir dan loji pemprosesan luar negara bertujuan meningkatkan serta mempelbagaikan sumber import bekalan ayam dan daging.

"Bagi bekalan ayam, pertambahan loji pemprosesan melibatkan 51 loji dengan 33 loji dari enam negara sumber sedia ada manakala 18 adalah sumber loji baharu yang dicadangkan dari lapan negara.

"Bagi bekalan daging, kerbau dan kambing, pertambahan 94 abatoir ruminan baharu iaitu 82 abatoir di negara sedia ada dan 12 abatoir dari sembilan negara sumber baharu," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 2,487 permohonan tuntutan subsidi bernilai RM178.16 juta sudah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Ini susulan keputusan kerajaan meluluskan pemberian subsidi pada kadar RM0.60 sekilogram dari 5 Februari hingga 30 Mac dan RM1.40 sekilogram bagi tempoh 1 April hingga 30 Jun ini.

Ronald berkata, Mesyuarat Kabinet hari ini turut mengambil maklum status bekalan makanan negara yang dibentangkan oleh MAFI dan secara amnya, ia masih mencukupi manakala bekalan ayam juga beransur pulih pada minggu pertama dan kedua Jun 2022.

Beliau berkata, Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara juga akan terus bersidang secara mingguan untuk memperhalusi langkah dan intervensi.

Ini termasuk memantau status bekalan makanan negara dan pelaksanaan tindakan susulan semua inisiatif serta langkah intervensi yang dirangka bagi menangani isu bekalan makanan.

"Kerajaan memantau status sekuriti makanan negara secara berterusan dalam memastikan kebolehcapaian makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat dengan harga berpatutan secara berterusan oleh rakyat.

"Kerajaan juga prihatin terhadap pengeluar makanan yang memainkan peranan penting dalam memastikan ketersediaan makanan kekal terjamin untuk Keluarga Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## iGROW tawar lahir tenaga mahir sekuriti makanan



NORDIN Abdul Malek (kiri) menunjukkan hasil projek fertigasi cili yang diusahakan penduduk ketika lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid di Kampung Gajah baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

IPOH: Institut Agro Usahawan ([iGROW](#)) Kampung Gajah menawarkan kerjasama dengan kerajaan bagi mengadakan pelbagai latihan kemahiran pertanian sebagai usaha meningkatkan tenaga mahir dalam

bidang sekuriti makanan yang dianggap kritikal sekarang.

Pengerusi Eksekutifnya, Nordin Abdul Malek berkata, Malaysia perlu memberi tumpuan kepada keperluan tenaga kerja mahir dan tenaga pakar dalam sektor makanan khususnya pertanian untuk memastikan rantai ekosistem agromakanan terjamin supaya dapat mengurangkan kebergantungan sumber import dalam sektor tersebut.

Menurutnya, Malaysia juga perlu menyediakan tenaga kerja mahir yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi bagi menangani cabaran perubahan cuaca dunia yang memerlukan penguasaan pertanian secara saintifik dan teknikal.

Justeru, jelas beliau, iGROW berpandangan bahawa kerajaan perlu memberi tumpuan segera terhadap pembangunan pendidikan dan latihan kemahiran sumber manusia yang dilihat sangat kritikal pada hari ini dalam menentukan sekuriti makanan negara.

“Oleh itu, kami ingin mencadangkan beberapa langkah iaitu meningkatkan kapasiti latihan kemahiran pertanian terutama institut swasta yang berpengalaman luas seperti iGROW untuk menjalankan program peringkat Diploma Kemahiran Malaysia melalui kaedah *Private Window* secara *Fast Track* untuk mempercepatkan proses melahirkan tenaga mahir tersebut.

“Pada masa sama, kerajaan harus meningkatkan kemudahan di institut pengajian awam dan swasta dengan infrastruktur dan kelengkapan moden terkini yang menjalankan bidang sekuriti makanan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, kerajaan harus menjalankan kempen secara agresif, progresif dan kreatif untuk menggalakkan penyertaan generasi muda dalam sektor pertanian dan industri makanan serta bekerjasama dengan institut swasta untuk menjalankan program keusahawanan berpakej jangka pendek bagi melahirkan usahawan tani terlatih.

Beliau juga mencadangkan kerajaan membangunkan model latihan pertanian komuniti yang dilihat mampu mengatasi masalah kebergantungan tenaga kerja asing dan penguasaan kartel.

Nordin turut menyarankan kerajaan memperkenalkan segera program pemupukan minat dan bakat kemahiran dalam bidang sekuriti makanan di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, sama ada dalam bentuk kurikulum atau ko-kurikulum.

Menurutnya, cadangan itu turut merangkumi penubuhan jawatankuasa kerja pembangunan latihan kemahiran sektor kritikal bidang pertanian dan perladangan yang diketuai oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

“Kesemua langkah yang dinyatakan ini adalah sebahagian pelan jangka sederhana dan jangka panjang dalam menentukan rantaian ekosistem yang terjamin dan selamat untuk sekuriti makanan negara.

“Sebagai institusi berpengalaman luas dalam sekuriti makanan terutama latihan kemahiran sumber manusia serta pernah menjalinkan kerjasama menjayakan dasar berkaitan pertanian dengan kerajaan, iGROW bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi mencapai semua matlamat dinyatakan,” ujarnya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	UTUSAN DIGITAL	ONLINE	

## Malaysia perlu kembali jadi negara pertanian



MUHYIDDIN Yassin ketika mempengerusikan mesyuarat MPN di Kementerian Kewangan, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Malaysia perlu kembali sebagai sebuah negara pertanian bagi mengatasi krisis bekalan makanan yang dihadapi negara ketika ini.

Itu syor dibuat Majlis Pemulihan Negara (MPN) kepada kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan bekalan import makanan dengan negara asing.

Pengerusi MPN, Tan Sri [Muhyiddin Yassin](#) berkata, ketika ini, Malaysia mengimport 100 peratus makanan ternakan ayam dan akan berlaku masalah jika berlaku gangguan pada rantai makanan global.

“Antara penyelesaian yang dibincangkan ialah mampukah negara ini mengeluarkan bahan makanan ternakan sendiri dan tidak bergantung 100 peratus dari luar negara.

“Kita berpendapat wajar untuk kerajaan meneliti semula dasar import bahan ternakan dan tidak bergantung kepada negara luar semata-mata,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MPN di sini, hari ini.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, Malaysia juga perlu lebih agresif untuk meneroka teknologi moden, bahan keperluan negara dan bahan yang diimport.

“Sebagai contoh, kita masih mengimport sayur-sayuran dan kelapa. Seperti kelapa, kita import 500 juta biji sedangkan kita ada kawasan tanaman kelapa dan ia boleh dimajukan semula kerana permintaannya sentiasa meningkat,” katanya.

Justeru, katanya, kerajaan perlu lebih agresif dan selari dengan dasar jaminan keselamatan makanan negara.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Malaysia berada pada kedudukan ke-39 dalam Global Food Security Index pada tahun 2021, naik sembilan anak tangga berbanding tahun sebelumnya.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga menjalankan tindakan intervensi berorientasikan pengguna, pengeluar dan perdagangan bagi mengukuhkan sekuriti bekalan makanan negara.

“Antara intervensi jangka pendek diambil ialah mewujudkan stok bekalan ayam, semakan prosedur import Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan semakan semula Tarif Elektrik Sektor Pertanian,” katanya.

Katanya, pihaknya berpendapat terdapat keperluan mendesak memperkasakan industri input kepada makanan ternakan supaya negara mencapai tahap sara diri kos input makanan ternakan terurus dan tidak terjejas akibat faktor luaran. - [UTUSAN](#)



Markets

# Malaysia Eases Ban on Exports of Live Premium Chicken

Allows exports of kampung chicken, chicken-based products  
Export halt on commercial broiler chicken stays: ministry



chicken in a cage at a wet market in Sekinchan, Selangor, Malaysia. *Photographer: Samsul Said/Bloomberg*

by [Anuradha Raghu](#)

June 15, 2022, 3:34 PM GMT+8 Updated on June 15, 2022, 3:48 PM GMT+8

Malaysia partly eased a ban on chicken exports, allowing poultry importers to resume bringing live premium chickens.

Exports of live colored birds including kampung and black chicken, as well as all chicken-based products and parent stock day-old chicks are permitted, the Agriculture and Food Industries said in a statement on Wednesday.



国内 » 即时国内

4:21pm 15/06/2022

字 - +

# 农业部允甘榜鸡黑鸡等出口 全鸡 肉鸡 鸡肉块仍禁止

👁️ 10084点阅

(八打灵再也15日讯) 农业及食物工业部宣布，政府决定特别批准一些产品的出口，包括有色鸡肉如甘榜鸡和黑鸡而已；所有鸡肉产品、日龄小鸡 (Day Old Chick) 的父母种 (Parent Stock) 。

至于商业肉鸡、全鸡、鸡肉块和日龄小鸡依然禁止出口。

该部发文告指出，这是该部与业者、禽畜组织进行一系列讨论之后作出的决定。

文告指出，准证持有人必须妥善处理有关出口批

“如果发生滥用特别许可的事情，政府会严正看待  
及检疫服务局法令 (728法令) 第11 (2) 和11 (

‘一旦罪成 可被罚款不超过10万令吉或监禁不



打开全文

◆出口 ◆鸡肉 ◆禁止


[银行存款被盗怎么办？冷静下来做这5步追钱](#)

[SPM文凭不见了？教你网上申请补办还送到家](#)

[出道9年遇瓶颈 BTS无预警宣布休团单飞](#)

[不要只知道猫山王！教你辨认10种大马常见榴梿品种](#)

[《白色强人II》7.25开播 TVB靠重头剧来挽救收视](#)



ADVERTISEMENT

0条评论



添加评论...

Facebook 评论插件



## 热门话题：

1. 银行盗提
2. 全国大选
3. 俄乌战争
4. 冠状病毒病

## 相关新闻



独家 | 鸡肉加热无数次？  
顾客：肉质像轮胎



超市鸡肉售价超过顶  
者遭贸消局罚款1000

“未接鸡肉卖贵投诉” 贩



其他人在干什么？



**大选逼近+建材涨价 建筑业趋审慎**

5天前



**中国5月出口成长16.9% 放松封控提振贸易 超预期**

7天前



**多数食材酱料喊涨 锡米山辣汤 花雕鸡酝酿起价**

7天前

**更多国内新闻**



**重返2千宗水平 今增2320确诊病例**

7小时前



**Caledonia 最新城镇规划 打造现代人的理想品质生活**

7小时前



**纳吉时代拨款比较多？陆兆福：人民不应接受贪污**

9小时前

**农长：稳定食品供应刺激生产 内阁同意额外落实3措施**

农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪说，内阁同意额外落实3项措施，以稳定国内食品供应及刺激本地食品的生产。...



9小

其他人在干什么？





# 魏家祥：中国中车联本地公司 完成修复4轨道机车

2小时前 👁



# 首相：国足闯亚洲杯决赛圈 近期讨论奖励 庆祝活动

11小时前 👁



# 你也可能感兴趣

by

AD

Yes 5G for All  
超值配套 5G...

XPS 笔记本电  
脑采用优质材...

“恭喜你获得面  
试机会！” ...

AD

Shopee 所有新  
用户可享受...

游乐园“大摆  
锤”空中解体...

染头虱妈妈不管  
9岁女童“满...

AD

房价2年涨逾一  
倍 超过40万 ...

导游动物园池边  
洗手 竟遭鳄...

Want to know  
about the...

AD

港豪宅阳台上  
演“活春宫” 3...

Earn points  
for each...

杨紫琼本人有多  
瘦？同框Jan...



独家 | 鸡肉加热无数次？ 顾客：肉质佳

5/10/2022





阿斯拉夫炮轰鸡肉如轮胎，咬不断！（视频截图）

（八打灵再也15日讯）“这到底是什么？这是食物？品质在哪里？肉质像轮胎一样！”

最近不少消费者在社交媒体申诉快餐店的份量减少，阿斯拉夫昨日拍下视频后发布在推特，炮轰肯德基薯条、干巴巴，根本难以入口。





Asyraf z

@asxrvf

Hi @KFCmalaysia.

First & foremost, what is this? Kau panggil ni makanan ke apa kualiti dah gaya getah tayar? Totally ayam lama yang perhaps dah reheat I don't know for how many times. And here I thought your food is cooked fresh.

This happened today at KFC Cybervalley outlet.



他在帖文中标签KFC及国内贸易及消费人事务部，并指本身是于6月14日在Cybervalley的分店购买这鸡肉。

“我以为你们的食物是新鲜烹制的！”他在视频中指责鸡肉品质。

他指责这是一块“翻炸或加热无数次或的旧鸡肉”





阿斯拉夫怀疑鸡肉是否被加热无数次？（视频截图）

## KFC向顾客道歉

大马KFC官方推特过后也回应阿斯拉夫，希望对方私讯名字、电话和电邮，以让KFC可以采取接下来的行动。

此外，大马KFC管理部针对此事回复星洲日报询问时证实，马来西亚肯德基已亲自联系阿斯拉夫，并针对这次不愉快的经历向后者道歉。

该部表示，该公司已关注此事，并表示遗憾客

“对我们来说，产品质量和客户满意度很重要。”  
动。”

该部表示会不断改进产品与服务。





KFC官方推特即時对阿斯拉夫的投诉做回应，过后马来西亚KFC还亲自联系他道歉。（照片截图自推特。）



Thank you for reaching out to us. KFC Malaysia has personally reached out to the customer to apologise for the unpleasant experience and thank him for bringing this matter to our attention.

KFC Malaysia regrets the customer did not have a Finger Lickin' Good experience. Product quality and customer satisfaction are important to us. Necessary actions have been taken and we are committed to consistently improving our products and service.

Thank you.



KFC回应星洲日报记者，表明已经亲自联系这个网民道歉。（WhatsApp截图）

个官忘件，阿斯拉大昨晚的贴文引起网民热烈回应，迄今14时，视频获得逾19万次的播放。

许多网民留言分享经历，有者建议若要吃KFC，不要早上去，因为前一晚上卖不完的鸡肉会被加热后再卖；有网民希望KFC关注品质问题，因为已非首次投诉，并希望KFC管理层可以采取更坚决的行动，亲自到这些分店去检查。

Asyraf z 🇲🇾

@asxrvf



Hi @KFCmalaysia.

First & foremost, what is this? Kau panggil ni makanan ke apa kualiti dah gaya getah tayar? Totally ayam lama yang perhaps dah reheat I don't know for how many times. And here I thought your food is cooked fresh.

This happened today at KFC Cybervalley outlet.

Watch on Twitter

7:15 PM · Jun 14, 2022

[Read the full conversation on Twitter](#)



0条评论

排序方式 最早



添加评论...

Facebook 评论插件

## 网友在看什么 >>

by

AD

银行存款被盗怎么办? 冷静下来做这5

曹格被曝跟老婆分居3个月 吴速玲带儿女

上云顶车停哪里最划算? 一次过看各大停

疫情横行, 多名专家预测这3只股票能翻



 星洲日报基金会

 星洲企业楷模奖

 星洲日报教育基金

 星洲华文资讯网上问答比赛

 星洲教育奖

 星洲日报学生阅报计划

 星洲日报花踪文学奖

 星洲教E展

 星洲升学

星洲   
sinchew.com.m



## 关于我们

[关于我们](#)

[联络我们](#)

[求才若渴](#)

[使用者条例](#)

[Disclaimer](#)

[私隱政策声明](#)

[常见问题](#)

[刊登广告](#)

[订阅服务](#)

## 星洲媒体集团

[星洲人](#)

[星洲电子报](#)

[学海](#)

[星星学堂](#)

[小星星](#)

[星汇](#)

[爱华文](#)

[分类广告](#)

## 世华媒体集团

[中国报](#)

[ENANYANG](#)

[光明日报](#)

[风采](#)

[爱生活](#)

[都会佳人](#)

[美味风采](#)

## 友情链接

[RH Hotel, sibu, sarawak](#)

Copyright © 2022 Sin Chew Media Corporation Berhad (98702-V). All rights reserved.

◆版权所有◆不得转载

Solution Powered by **AppAs**







農業部：解禁部分產品

# 商業肉雞全雞仍禁出口

（八打灵再也15日讯）农业及食物工业部宣布，政府决定特别批准一些产品的出口，包括有色鸡肉如甘榜鸡和乌鸡而已；所有鸡肉产品、日龄小鸡（Day Old Chick）的父母种（Parent Stock）。至于商业肉鸡、全鸡、鸡肉块和日龄小鸡依然禁止出口。

该部发文指出，这是该部与业者、禽畜组织进行一系列讨论之后作出的决定。

“政府强调的是，商业肉鸡、全鸡、鸡肉块和日龄小鸡依然禁止出口。”

文告指出，准证持有人必须妥善处理有关出口托运的事务。

## 续监督国内鸡肉供应情况

“如果发生滥用特别许可的事情，政府会严肃处理，并且将援引2011年大马检验及检验服务局法令（728法令）第11（2）和11（3）条文对付。”

“一旦罪成，可被罚款不超过10万令吉或监禁不超过6个月，或两者兼施。若是

重犯，则可被罚款不超过15万令吉或监禁不超过7年，或两者兼施。”

文告说，政府将会继续监督国内鸡肉的供应情况，目前逐渐恢复正常，预料能够尽快恢复稳定。文告指出，配合内阁于5月23日决定，农业及食物工业部通过大马检验及检验服务局（MAQIS）已从6月11日起暂停出口活鸡、全鸡、鸡块和鸡肉产品。

“MAQIS执法人员将负责监督边境所有关卡的情况，以禁止上述产品出口。”

详情可以电邮至feedback@maqis.gov.my 查询。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

# 100 koperasi di bawah ANGKASA sedia sertai ternakan ayam

**Oleh Mahani Isbak**  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 100 koperasi di negara ini berpotensi untuk terbabit dalam ternakan ayam dengan 19 daripadanya bersedia untuk mengusahakannya bagi mencapai sasaran menghasilkan 30 juta ekor ayam dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, Angkatan Ko-

operasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyarankan bekalan 2.5 juta ekor ayam dapat dihasilkan untuk pasaran berdasarkan satu koperasi membekal 5,000 ekor ayam sebulan.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata semua koperasi diminta bekerjasama dengan ANGKASA untuk terbabit secara serius dalam ternakan ayam supaya mem-

perkasakan lagi sumbangan gerakkan koperasi terhadap kestabilan ekonomi rakyat dan negara.

"Ketika ini, keupayaan sebuah koperasi adalah menghasilkan kira-kira 5,000 ekor ayam dalam masa sebulan dan jika 100 koperasi menyertainya, kita menyasarkan 2.5 juta ekor ayam sebulan.

**Nasional 5**

# FELDA komited bantu atasi isu sekuriti makanan

Agensi rancang laksana projek tanaman jagung bijirin, labur RM23j dalam industri ternakan

**Kuala Lumpur:** FELDA merancang melaksanakan projek tanaman jagung bijirin di kawasan seluas 3,700 hektar dengan kerjasama FGV Holdings Berhad bagi membantu menyelesaikan isu kenaikan mendadak harga bekalan makanan untuk ternakan.

Jabatan Strategik FELDA dalam kenyataannya semalam berkata, agensi itu sentiasa proaktif dalam menyokong usaha keraja-

an, termasuk mengatasi isu sekuriti makanan negara, bertepatan dengan lima langkah menjamin sekuriti makanan negara.

"FELDA juga akan merancang industri ternakan ayam melalui kerjasama ladang kontrak dengan Ayam Food Corporation Sdn Bhd dengan pelaburan berjumlah RM23 juta.

"FELDA memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Program Pembangunan Perneroka (PPP) yang diperkenalkan pada 2019 bagi membahagikan dan meningkatkan pendapatan perneroka melalui aktiviti bukan berteraskan komoditi sawit serta getah," menurut kenyataan itu.

Selain itu, FELDA memaklumkan bahawa pelaksanaan projek PPP diberi perhatian mengaplikasikan teknologi pintar seperti sistem cerapan dan penyiraman serta sistem pengaktifan suara.

Dalam kenyataan sama, Pengerusi FELDA, Tan Sri Idris Jusoh,

berkata komitmen FELDA bagi menjayakan PPP adalah satu aspirasi yang cukup besar.

"Komitmen FELDA bagi menjayakan PPP bukan sahaja bagi meningkatkan pendapatan perneroka dan generasi baharu FELDA, tetapi juga merangkumi aspirasi yang lebih besar dalam membantu agenda nasional melalui sokongan yang jitu menjayakan Dasar Sekuriti Makanan Negara," katanya.

Selain itu, inisiatif ini membantu menyokong Dasar Sekuriti Makanan negara dengan meningkatkan kadar sara diri (SSR), sekaligus mengurangkan kebergantungan import makanan negara.

Sehingga kini, sebanyak 8,543 projek PPP sudah diluluskan untuk dijalankan secara individu dan melalui pembabit koperasi serta badan perneroka yang memanfaatkan 56,959 perneroka dan generasi baharu FELDA.

BERNAMA

# Pengimport diberi amaran tak salah guna kebenaran

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) memberi amaran kepada pengeksport untuk tidak menyalahgunakan kebenaran khas mengeksport tiga jenis komoditi ayam.

Dalam satu kenyataannya, MAFI mengesahkan tiga komoditi terabit ialah ayam daging berwarna termasuk ayam kampung dan ayam hitam, semua produk berasaskan ayam dan Day Old Chick (DOC) (anak ayam berusia sehari) Parent Stock (ayam pembiak baka) sahaja.

Bagaimanapun, larangan eksport untuk ayam pedaging (commercial broiler), ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam DOC unur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa.

MAFI menegaskan, mereka melanggar syarat yang sudah ditetapkan boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya, manakala bagi

Malaysia benar eksport 3 jenis ayam ke Singapura



Keratan akhbar BH semalam.

kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Justeru, kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQPS), sebarang aktiviti mengeksport komoditi berkenaan tidak dibenarkan.

"Konsalin eksport komoditi itu perlu diruskan sewajarnya oleh pemilik permit," kata kenyataan itu.

Katanya, sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai larangan eksport komoditi ayam, boleh dikemukakan melalui e-mel kepada feedback@maqps.gov.my.

# ANGKASA lulus RM14.26j jalankan projek baharu

Dari Muka 3

"Kita yakin sasaran menambah bilangan koperasi ini dari semasa ke semasa ini tercapai, berikutan permintaan ayam ini memang tersedia dalam segmen pasaran kerana harga ayam adalah lebih rendah dari sumber protein lain seperti ikan dan daging," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan ANGKASA akan mengusahakan tanaman jagung bijirin skala besar dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import, khususnya kepada ternakan ayam.

Perdana Menteri juga berkata, NAFAS turut menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran 144 juta ekor ayam setahun, manakala 30 juta ekor lagi dikeluarkan oleh ANGKASA.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, ketika ini projek rintisan tanaman jagung berkeluasan 25 hektar sudah dijalankan oleh ANGKASA di Ladang Hosba, Pendang, Kedah dengan menghasilkan 240 tan jagung bijirin



Pelbagai strategi dirancang NAFAS dan ANGKASA bagi meningkatkan pengeluaran serta memenuhi permintaan ayam di pasaran. (Foto hiasan)

untuk empat kali hasil tuaian.

"Selain itu, kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik kopersasi.

"Kita akan memulakan projek penanaman ini di bawah Program Pemerkasaan Koperasi (CEP) ANGKASA dan selepas ia kukuh, kita akan menyerahkan kepada kopersasi yang mempunyai kekuatan untuk mene-

ruskannya," katanya.

Setakat ini, ANGKASA sudah meluluskan peruntukan RM14.26 juta bagi menjalankan projek baharu, termasuk penanaman jagung bijirin.

Abdul Fattah berkata, sampai masanya kopersasi meluaskan lagi jaringan perniagaannya dan tidak hanya terabit dalam sektor pembekalan sahaja.

"Kopersasi perlu rebut peluang dalam semua peringkat iaitu pembiakan, penyediaan makanan melalui penanaman jagung

bijirin, penyediaan reban, logistik dan rantaian pembekalan sehingga kepada pengguna.

"Justeru, pengeluaran jagung bijirin ini juga penting kerana ia adalah salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada harga ayam yang kian meningkat pada ketika ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob, berkata tanah seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu dikenal pasti berpotensi

Kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik kopersasi

Abdul Fattah  
Abdullah,  
Presiden  
ANGKASA



dimajukan bagi tanaman jagung bijirin berskala besar.

Beliau berkata, semua tanah berkenaan adalah milik pengguna tanaman tembakau dan tanah itu didapati sesuai untuk tanaman jagung.

"Perbincangan pertama dengan pemilik tanah dilakukan baru-baru ini dan mereka bersejutu. Bagaimanapun, perbincangan seterusnya akan dilakukan lagi untuk merealisasikan hasrat penanaman jagung bijirin itu," katanya.

# Kuasai teknologi moden majukan sektor pertanian negara

Oleh Dr Ariff Azly Muhammed dan  
Dr Mohd Zamri Abu  
bhrencana@bh.com.my

Indeks sekuriti makanan serantau menunjukkan Malaysia berada di hadapan negara ASEAN lain. Namun laporan *Global Food Security Index (GFSI) 2021*, menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-39 dengan 70.1 mata, iaitu peningkatan 6.4 mata berbanding 2020 itu, masih berada di belahang Singapura mencatatkan indeks 77.4 mata.

Angka GFSI diukur melalui kemampuan perolehan makanan, kesiediaan makanan, sekuriti dan kualiti makanan itu, memberi isyarat Malaysia perlu menimbang dan mengambil langkah strategik untuk memastikan indeks sekuriti makanan negara terus terjamin dan tidak terjejas.

Indeks sekuriti makanan berkait rapat dengan pengurusan rantaian bekalan makanan, manakala penguatkuasaan terhadap pengurusan rantaian bekalan makanan amat penting bagi mengawal kenaikan harga makanan.

Ketika ini berlaku kenaikan mendadak harga barang makanan di pasaran namun penguatkuasaan dan pemantauan proses jual beli sahaja tidak mampu mengawal kenaikan harga makanan mendadak.

Penguatkuasaan terhadap keseluruhan proses dalam rantaian makanan membolehkan pembekal, pembuat dan logistik antara langkah membendung manipulasi harga pihak tidak bertanggungjawab.

Kewujudan kartel atau orang tengah dalam rantaian makanan memberi impak negatif kepada kenaikan harga barang makanan. Ini kerana kartel mengaut keuntungan dengan memanipulasi harga

barang mentah, sekali gus memberi kesan kepada harga akhir produk makanan.

Ini menuntut kerajaan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan untuk mengambil langkah proaktif dalam mengekang kewujudan golongan mengambil kesempatan serta mengaut keuntungan mudah.

Agensi kerajaan perlu memperkenalkan mekanisme strategik kepada pengusaha ladang ternakan dan sayuran seperti menjadi orang tengah untuk membantu memasarkan produk kepada sektor pembuatan dengan kos terkawal.

Kaedah lain termasuk memberi latihan kepada semua pihak dalam rantaian bekalan seperti pengangkutan dan logistik, kawalan mutu kualiti produk serta khidmat pelanggan, bagi menghapuspkan keberagutan dan peranan kartel memampukan pengurusan rantaian bekalan makanan.



Teknologi moden mengurangkan keberagutan kepada tenaga buruh dan meningkatkan pengeluaran. (Foto hiasan)

Di samping itu, keberagutan industri makanan tempatan kepada tenaga buruh asing juga perlu diperhalusi dengan lebih cekap kerana ketika ini 75 peratus pekerja dalam sektor perladangan adalah buruh asing.

Keberagutan kepada tenaga buruh asing ini bertambah kritikal ketika pandemik COVID-19 melanda sehingga kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan memberi impak kepada hasil pengeluaran tanaman dan bahan mentah, sekali gus harga produk makanan melambung berikutan permintaan dan penawaran tidak selimbang.

Justeru, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) perlu memikirkan formula strategik mengurangkan keberagutan tenaga buruh asing dalam industri makanan serta perlindungan.

Hal ini perlu dilihat sebagai serampang dua mata kepada sektor ekonomi Malaysia apabila dapat meminimumkan aliran wang keluar negara, sekali gus dapat mengukuhkan nilai mata wang ringgit serta mampu mengawal inflasi.

Dasar Pandang ke Timur juga berpotensi menjadi penyelesaian kepada industri dan kerajaan mengawal kenaikan harga barang makanan kerana Jepun memberi fokus kepada sektor teknologi pertanian bagi memastikan sekuriti makanan negara itu terjamin.

Adaptasi teknologi dalam sektor pertanian boleh dilakukan bagi meningkatkan hasil pengeluaran serta kualiti produk pertanian. Kaedah ini juga mampu meningkatkan simpanan bekalan makanan.

Kerajaan melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) juga boleh menyediakan latihan dan perundingan bersesuaian industri terabit untuk memastikan pengusaha sektor makanan memperoleh maklumat serta ilmu berkesan meningkatkan produktiviti, sekali gus dapat memasarkan produk makanan tempatan.

# Hidupkan semula Buku Hijau tampung keperluan makanan

Tiga komponen utama dalam dalam sekuriti makanan merangkumi pengeluaran yang cukup, penawaran stabil dan juga segmen pen-  
Kementerian  
Pertanian dan  
Industri  
Makanan

Interpretasi dan terjemahan konsep sekuriti makanan berbeza mengikut tahap. Pada tahap antarabangsa, ia bermaksud tang-  
gungjawab semua negara untuk memasti-  
kan pasaran dan harga makanan yang stabil. Pada tahap negara pula ia merujuk kepada keupayaan untuk memastikan penawaran makanan yang stabil dalam pasaran domestik. Bagi orang perseo-  
liki bekalan makanan mencukupi dan memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap seragam.

Seperti negara lain, sekuriti makanan adalah fokus utama dalam perancangan pembangunan ekonomi Malaysia sejak mencapai kemerdekaan. Tragedi Perang Dunia Kedua mengajjar Malaysia mengenai kepentingan sekuriti makanan, terut-  
ma apabila krisis peperangan atau darurat ber-  
laku. Pada 1960-an, fokus program sekuriti ma-  
kaman lebih bertumpu kepada penawaran beras  
lalu makanan ruiji bagi semua kumpulan etnik  
penduduk Malaysia.

Hampir dua pertiga keperluan kalori harian ber-  
sumberkan beras dan ia juga adalah komponen  
utama dalam perkiraan indeks kos hidup seharian.  
Malaysia seperti negara Asia lain turut melan-  
cartkan Revolusi Hijau untuk meningkatkan penge-  
luaran beras.

Era 1980-an dan 1990-an berlaku perubahan  
struktur ekonomi daripada berlandaskan eksport  
pertanian kepada ekonomi berasaskan bidang  
pembuatan yang berorientasikan eksport. Hal ini  
memberi kesan ke atas pertanian. Antaranya te-  
naga buruh, modal dan tanah beralih ke bidang  
berkeajaan. Kemajuan pesat sektor seperti sawit,  
getah dan koko untuk eksport juga menyebabkan  
tanah pertanian, termasuk sawah padi digunakan  
sebagai tapak penanaman komoditi itu.

Kesannya, pertumbuhan marginal pengeluaran

beras menunjukkan penurunan dibandingkan de-  
ngan era 1970-an dan 1980-an. Keluasan tanah padi  
merekodkan penurunan dalam awal 1990-an. Da-  
lan tempoh sama, kadar sara diri beras negara  
menurun kepada 73 peratus.

Malaysia adalah pengimport bersih bukan sahaja  
makanan, tetapi bahan mentah untuk industri ma-  
kaman dan asas tani. Bil import makanan mencapai  
10 peratus daripada jumlah import. Konsep sekuriti  
makanan didefinisikan semula merangkumi bebe-  
rapa butiran makanan yang lain seperti ayam da-  
ngling, ternakan, susu, sayur-sayuran dan buah-bua-  
han.

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi kelmarin  
menutuskan lima langkah segera diambil bagi  
menjamin sekuriti makanan negara. Ia memba-  
bitkan kerjasama terajuan dengan syarikat ber-  
kaitan kerajaan dan pentadbiran negeri, kerjasa-  
ma awam dan swasta, selain jaminan pasaran hasil  
pertanian diusahakan peladang dan petani.

Bagi rakyat pada peringkat mikro juga sudah  
sampai masanya menyahut seruan kerajaan bagi  
melakukan sesuatu seperti mengusahakan tanam  
di mana juga ada ruang kosong, sama ada di kam-  
pong, taman perumahan mahu pun di tanah per-  
seendirian.

Rakyat perlu mengubah sikap memanfaatkan  
waktu senggang satu ke dua jam sehari untuk  
berkebun sekurang-kurang untuk kegunaan sendiri  
bersama jiran tetangga.

Kempen Buku Hijau 2.0 perlu digerakkan kem-  
bali dengan mekanisme yang moden bagi menga-  
jak rakyat berkebun dengan elemen lebih segar  
dan pembabitkan generasi muda.

Apabila kegiatan berkebun dilakukan, masalah  
ancamannya sekuriti makanan akan dapat diatasi se-  
perti disarankan pihak kerajaan secara jangka  
pendek dan panjang. Pada masa sama harga bagi  
keperluan asas akan dapat diturunkan dan me-  
ningkatkan kuasa beli rakyat semula.



Pembabitkan generasi muda dalam pertanian dengan teknologi moden jamin sekuriti makanan negara.

(Foto biasan)



MUHYIDDIN ketika hadir untuk memperkeratkan Mesyuarat MPN B16/2022 di Kementerian Kewangan.

# Teliti dasar import bahan ternakan

Malaysia perlu kembali jadi negara pertanian: Muhyiddin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
an@bmetro.com.my

## Putrajaya

Malaysia perlu kembali menjadi negara pertanian bagi membendung masalah kekurangan bekalan bahan makanan yang dihadapi kini.

Pengerusi Majlis Perumahan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sekiranya perkara itu dapat dilaksanakan, negara dapat mengurangkan kebergantungan import makanan dari negara asing.

"Kita ada bincangkan mengenai kenaikan harga ayam, perkara itu berlaku kerana negara ini mengimport 100 peratus makanan ternakan bawahan berkenaan.

"Ketika berlakunya masalah rantaian makanan ini di peringkat global, Malaysia berhadapan dengan masalah harga bekalan makanan ternakan yang meningkat berlipat kali ganda.

"Antara solusi yang dibincangkan ialah mampuh negara ini keluaran bahan makanan ternakan sendiri dan tidak bergantung 100 peratus dari luar negara. Kita berpendapat wajar untuk kerajaan meneliti dasar import bahan ternakan. Negara kita perlu berusaha supaya sebarangnya (bekalan) dapat kita tempung dan tidak bergantung pada negara luar semata-mata".

Katanya selepas mengengeruskan MPN semalam.

Muhyiddin berkata, Malaysia perlu lebih agresif meneroka teknologi moden, bahan keperluan negara dan bahan diimport.

"Umpana sektor tanaman sayur-sayuran, kelapa dan sebagainya, sebahagiannya masih diimport. Seperti kelapa, hampir 500 juta biji kelapa kita import untuk santan. Sedangkan kita ada kawasan tanaman kelapa. Ia hanya perlu diusahakan dan dimajukan semula kerana permintaan-nya meningkat kini.

"Kalau dasar ini dapat dilakukan lebih agresif dan selamatkan makanan, saya fikir kita boleh maju dalam sektor industri makanan dan pertanian," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Malaysia berada pada kedudukan ke-39 dalam Global Food Security Index pada tahun 2021, naik baring tahun sebelumnya dengan bekalan lapan komoditi utama yang stabil.

"Phak Kementerian Pertanian dan Industri Maknan (Mafi) juga menjalankan tindakan intervensi yang berorientasikan pengeluaran, pengeluar dan perdagangan bagi mengurangkan sekuriti bekalan makanan negara.

"Antara intervensi jangka pendek yang diambil adalah mewujudkan stok bekalan ayam, sermak prosedur import Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Mapi) dan senakan semula Tarif Elektrik Sektor Pertanian.

"Majlis berpendapat terdapat keperluan yang mendesak untuk memperkasakan industri input kepada makanan ternakan supaya negara mencapai tahap sara diri kos input makanan ternakan terurus dan tidak terjejas akibat faktor luaran," katanya.

## Kerajaan beri kebenaran khas eksport ayam

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi kebenaran khas untuk mengeksport ayam selepas mengadakan perbincangan lanjut dengan pemain industri.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam kenyataannya semalam berkata, kebenaran eksport diberikan untuk ayam daging berwarna termasuk ayam kampung dan ayam hitam sahaja.

Menurutnya, eksport juga dibenarkan untuk semua produk berasaskan ayam dan Day Old Chick (DOC) Parent Stock.

"Kerajaan menegaskan larangan eksport untuk ayam pedaging-ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam Day Old Chick (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuatkuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasaan.

Menurutnya, barangan eksport komoditi itu perlu diruskan sewajarnya oleh pemilik permit dan sebarang penyalahgunaan terhadap kebenaran khas ini boleh diambil tindakan mengikut Subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 (Akta 728).

Katanya, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

## Ayam kampung, ayam hitam dibenar eksport

**PUTRAJAYA** - Ayam kampung dan ayam hitam antara tiga produk komoditi yang diberi kebenaran khas oleh kerajaan untuk dieksport.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi kenyataannya pada Rabu memaklumkan, semua produk berasaskan ayam dan *Day Old Chick (DOC) Parent Stock* turut diberi kebenaran eksport.

"Keputusan itu dibuat setelah beberapa siri perbincangan dengan pemain industri dan persatuan penternak diadakan," katanya.

Ujar MAFI, konsainan eksport komoditi tersebut perlu diuruskan seawajarnya oleh pemilik permit.

Dalam pada itu, MAFI menegaskan, larangan eksport untuk ayam pedaging, ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam DOC umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia MAQIS," katanya.

Kementerian itu berkata, kerajaan

memandang serius sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan terhadap kebenaran khas berkenaan.

"Sekiranya terdapat pelanggaran, tindakan di bawah subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 [Akta 728] boleh diambil.

"Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan sehingga tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Pada 23 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pemberhentian eksport ayam sebanyak 3.6 juta sebulan mulai 1 Jun.

Langkah jangka pendek yang diputuskan kabinet itu diteruskan sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dengan keutamaan terhadap bekalan rakyat negara ini.

Portal Singapura, MediaCorp pada Selasa melaporkan Malaysia menarik balik sebahagian larangan pengeksportan ayam.

Bantu selesaikan isu kenaikan harga bekalan makanan untuk ternakan

Oleh **MOHAMMAD  
KHAIRIL ASHRAF  
MOHD KHALID  
SHAH ALAM**

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dalam merancang untuk melaksanakan projek tanaman jagung bijian di tanah seluas 3,700 hektar dengan kerjasama FGV Holdings Berhad.

Jabatan Komunikasi Strategik Felda berkata, ia bagi membantu menyelesaikan isu kenaikan mendadak harga bekalan makanan untuk ternakan.

"Projek ini dijangka dapat menyumbang sebanyak lima peratus daripada sasaran kerajaan untuk mengurangkan import jagung bijian negara lantás dapat menstabilkan harga," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambahan pula, Felda juga akan merencanakan industri ternakan ayam melalui kerja-

sama ladang kontrak dengan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd.

"Projek dengan pelaburan berjumlah RM23 juta ini menyasarkan penghasilan 640,000 ekor ayam setiap pusingan di lapar unit reban dua tingkat.

"Projek yang dilaksanakan melalui Koperasi Permodalan Felda (KPF) akan dijalankan di kawasan seluas 20 ekar di Felda Tun Ghaffar Bukit Senggeh, Melaka," katanya.

Selain itu katanya, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Felda dengan yang terbaharu inisiatif Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang diperkenalkan pada tahun 2019.

Menurutnya, PPP dilaksanakan sebagai satu instrumen bagi memperbagaikan serta meningkatkan pendapatan peneroka melalui aktiviti bukan berteraskan komoditi sawit dan

getah.

"Ini bertindak sebagai serampang dua mata bagi membantu menyokong Dasar Sekuriti Makanan Negara dengan meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) sekali gus mengurangkan kebergantungan import makanan negara.

"Sehingga kini, sebanyak 8,543 projek PPP telah dituluskan untuk dijalankan secara individu dan juga melalui penglibatan koperasi serta badan peneroka.

"Projek-projek ini telah memberi manfaat kepada 56,959 orang peneroka dan generasi baharu Felda," ujarnya.

Jelasnya, 57 peratus daripada projek PPP ini adalah melibatkan aktiviti penternakan ayam kampung dan ternakan ruminan manakala 41 peratus melibatkan aktiviti pertanian seperti tanam-cili dan timun secara fertigasi serta cendawan.

Di samping itu katanya, Felda

# Felda rancang laksana projek tanaman jagung bijian



Hab Lembu Pedaging yang terletak di Felda Sahabat, Sabah.

dengan kelebihan tanah yang luas mempunyai potensi yang baik untuk menjadi hab lembu pedaging seperti dilaksanakan di Felda Sahabat, Sabah.

"Secara keseluruhan, ternakan lembu secara integrasi ini

akan melibatkan penggunaan tanah seluas 32,000 hektar.

"Bagi ternakan ruminan ini, Felda dijangka dapat menyumbang sebanyak 2.5 peratus daripada SSR nasional," katanya.



# Penglibatan Nafas, Angkasa merugikan?

Oleh AHMAD FADHILLAH

adnan.fadhullah@medianulla.com.my

**PETALING JAYA:** Penglibatan Perubahan Peladangan Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dalam memperkasakan industri ayam di negara ini dibimbangi menyebabkan penternak menanggung kerugian dalam tempoh jangka masa panjang.

Seorang penternak yang enggan dikenali berkata, gabungan dua entiti itu dikhuatiri mencetuskan lambakan bekalan ayam sekali gus menyebabkan berlakunya saingan dalam pasaran waran harga.

Katanya, ini kerana isu berkaitan bekalan yang berlaku sebelum ini adalah disebabkan permintaan yang meningkat susutannya lebih banyak kelonggaran dibetulkan dan bukannya kerana kekurangan pengeluaran.

"Isu sekarang kalau kita faham dengan teliti adalah disebabkan permintaan yang meningkat berkali ganda kerana musim perayaan, rumah terbuka dan kenduri. Tetapi suasananya aktiviti itu dan permintaan sekarang sudah berkurang, jadi permintaan bekalan sudah mula normal.

"Jadi, kalau tambahkan pengeluaran dan dalam masa sama permintaan tak ada, apa jadinya? Harga ayam turun sampai penternak rugi sebab ayam itu tak terjual. Itu sebab susah kalau orang tak pelan dalam jangka panjang.



**ORANG ramai berkunjung ke pasar raya ST Rosyam Mart di Setiawangsa bagi mendapatkan bekalan ayam. Baru-baru ini bekalan ayam mengalami gangguan ekoran permintaan tinggi semasa musim perayaan. - UTUSAN/AMIR KHALID**

"Contoh sarung tangan gelap. Waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semua cari, tetapi tecong lah hari ini apabila masing-masing sudah buat (pengeluaran banyak), ada syarikat terkemuka terpaksa henti operasi sebab tak ada orang beli dan benda sama boleh jadi pada ayam," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia, semalam.

Beliau menambah, pihaknya bagaimanapun tidak menghalang penglibatan kedua-dua entiti itu kerana industri ayam adalah pasaran terbuka. Kelmartn media melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan penglibatan Nafas dan Angkasa dalam menguruskan sebuah ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamini

sekuriti makanan negara. Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalu 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Dalam pada itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Peternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, FLFAM menyalurkan balak kemasukan Nafas dan Angkasa bagi memastikan bekalan dalam industri ayam terus mendapat jaminan.

"Cuma kita nasihat supaya pandai uruskan industri ini. Mana-mana syarikat perlu pandai dalam menguruskan sebab takut nanti modal yang dilabur itu habis pula," katanya.

# Angkasa mahu hasil 2.5 juta ekor ayam sebulan

**PETALING JAYA:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) memberi jaminan untuk mengeluarkan 2.5 juta ekor ayam sebulan dengan menyasarkan 100 koperasi di seluruh negara terlibat dalam industri itu.

Presidennya, Datuk Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi mempunyai tanggungjawab bukan sahaja kepada ahli-ahlinya, malah kepada seluruh komuniti.

Oleh itu katanya, tujuan Angkasa bukan sahaja dalam sektor terbahari tetapi juga dalam sektor lain yang dapat membantu masyarakat menghadapi kos sara hidup.

Jelasnya, Angkasa akan membantu koperasi mengawali rantaian pemasaran bermula daripada pembekalan sehingga ke pengguna supaya manfaatnya dapat dirasakan semua pihak.

"Sehingga hari ini ada lebih kurang 19 buah koperasi terlibat dalam industri terkawan ayam. Namun, Angkasa yakin dengan kerjasama yang dilakukan dengan sokongan Perdana Menteri, hasrat melahirkan sekarang turangnya 100 koperasi dalam perusahaan terkawan ayam ini akan tercapai.

"Buat masa ini, satu koperasi mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan kira-kira 5,000 ekor ayam sebulan. Kita sarankan gerakan koperasi dapat mengeluarkan 2.5 juta ekor ayam sebulan apabila

hasrat melibatkan 100 koperasi ini telah dapat dicapai," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia semalam.

Menurut Abdul Fattah, pemasaran bekalan ayam akan diintegrasikan di bawah Projek Barang Asas 100 (BA100) iaitu sistem bersepadu antara koperasi, koperasi peruncit dan juga pembekal.

Ekoran itu katanya, ia bukan sahaja dapat mengatasi masalah bekalan, tetapi dapat menawarkan harga lebih berpatutan kepada pengguna.

"Namun, Angkasa mohon pertimbangan daripada kerajaan supaya inisiatif tabung agromakanan yang diumumkan sebanyak RM500 juta dapat diperuntukkan sebahagiannya kepada gerakan koperasi.

"Selain itu kita juga mohon koperasi kredit seperti Bank Rakyat dan CoopBank Pertama supaya dapat menyediakan pinjaman khas kepada koperasi untuk tujuan ini.

"Sebagai dua koperasi kredit terbesar saya kira usaha ini akan dapat membantu merencanakan sektor agronomakanan dan mengukuhkan lagi kedudukan koperasi dalam pasaran terbuka," katanya.

Dalam pada itu beliau menambah, terdapat banyak faktor yang berkemungkinan mempengaruhi industri ayam untuk kembali stabil, namun Angkasa optimis usaha itu perlu disegerakan seperti disaran Perdana Menteri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	KOSMO	NEGARA	4

# Tarik kebenaran import ruminan dari Thailand jika wabak meletus

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) boleh menarik balik kebenaran pengimportan lembu dan kerbau Thailand pada bila-bila masa sekiranya wabak meletus semula.

Peringatan tersebut antara kenyataan dalam protokol baharu mengenai urusan pengimportan haiwan ruminan itu dari negara jiran berkenaan terutama untuk disembelih bagi Aidiladha.

“Penggantungan ini boleh berkuat kuasa sama ada secara tempoh sementara atau kekal jika penularan wabak atau disyaki jangkitan penyakit tertentu muncul balik di Thailand,” katanya.

Pindaan protokol untuk versi baharu itu diterbitkan semalam menerusi laman sesawang rasmi JPV selepas agensi tersebut memansuhkan larangan import berkenaan pada 15 Mac lalu.

Kelonggaran itu membolehkan umat Islam di Malaysia ada pilihan ruminan dari Thailand bagi aktiviti ibadah korban bulan depan setelah JPV menggantung import itu pada 7 Jun 2021.

Ia susulan risiko penularan penyakit kental kulit (LSD) serta penyakit kuku dan mulut (FMD) yang berlaku sepanjang tahun lepas dengan melibatkan sejumlah 41 wilayah di negara itu.

Keadaan itu menyaksikan Malaysia hanya mengimport sebanyak 10,192 ekor lembu dari Thailand pada tahun lalu sebelum larangan dikuatkuasakan menjelang perayaan tersebut.



**LEMBU dan kerbau dibawa dari Thailand setakat ini bebas daripada sebarang penyakit.** – IHSAN JPV

Jumlah berkenaan turun sedikit berbanding 12,553 ekor direkodkan pada 2020 lalu, namun dapat ditampung stok lembu dan kerbau domestik yang berjumlah sebanyak 33,650 ekor.

Pada sambutan Aidiladha tahun lalu, permintaan untuk penyembelihan di seluruh negara ialah 39,172 ekor lembu dan kerbau, manakala kambing dan bebiri pula ialah 21,949 ekor.

“Ketua Pengarah JPV berhak untuk membuat pindaan sebarang peraturan pada sebarang masa yang beliau fikir sebagai perlu bagi melancarkan urusan tersebut,” kata kenyataan itu.

Protokol berkenaan antara lain ialah tempoh pengasingan selama 14 hari di stesen Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bagi memastikan tiada penyakit.

Ruminan yang hendak dibawa masuk itu juga perlu ada sijil kesihatan veterinar sah dalam

bahasa Inggeris dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Ternakan Thailand (DLD).

Setakat ini, JPV mengesahkan Thailand selama 12 bulan lalu telah bebas penyakit tertentu antaranya Contagious Bovine Pleuropneumonia dan Bovine Spongiform Encephalopathy.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganggarkan penarikan import tersebut akan membolehkan sejumlah 12,000 ekor lembu dan kerbau Thailand dapat dibawa masuk.

Selain ibadah korban di masjid dan surau, ruminan itu boleh disembelih di 27 buah rumah penyembelihan JPV dan 35 buah lagi milik pihak swasta di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kesemua premis berkenaan akan beroperasi mengikut keperluan Seksyen 86, Akta Binatang 1953 serta peraturan berdasarkan Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009.

## Nelayan asing kaut hasil laut

**KLANG** - Ketamakan dua bot nelayan tempatan kelas C menangkap ikan di luar kawasan dibenarkan membawa padah apabila ditahan Maritim Malaysia (APMM) Selangor secara berasingan di kedudukan 22 batu nautika barat daya Sungai Besar dekat sini kelmarin.

Dalam kejadian bermula 1.30 tengah hari itu turut menahan sembilan kru warga Indonesia termasuk tekong berusia 22 hingga 62 tahun selain merampas 700 kilogram (kg) hasil laut.

Pengarah Maritim Selangor,

Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, dua bot itu ditahan Kapal Maritim Bagan Datuk semasa rutin rondaan dan penguat kuasaan di sekitar perairan Selangor.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati bot nelayan itu berdaftar di Perak dan perlu jalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan negeri itu sahaja.

"Kedua-dua bot nelayan tempatan itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen.

"Penahanan bot-bot itu dilakukan selang 15 minit bermula pukul 1.30 tengah hari" katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Siva, hasil pemeriksaan turut mendapati kesemua kru bot itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan perjalanan yang sah.

Tambah beliau, kesemua bot dan sembilan kru tersebut bersama 700kg hasil laut telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi 1959/63.




SEBAHAGIAN nelayan asing yang ditahan APMM di kedudukan 22 batu nautika barat daya Sungai Besar dekat Klang kelmarin.

16/6/2022

HARIAN METRO

LOKAL

3



SIEMPA Kru ditahan di bawah kejet Presiden Paha Maritim. Paha ini adalah untuk diserahkan kepada Pegawai Perikanan Maritim Malaysia.

DUA BOT NELAYAN TEMPATAN LANGGAR SYARAT SAH LISEN

## Gaji Pati jadi kru

Oleh Amirul Alman Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

**Sungai Besar**

Guna khidmat pendatang asing tanpa izin (Pati) yang diambil bekerja sebagai kru bot nelayan tempatan.

Itu antara tindakan pemilik bot dan tekong tempatan ketika ditahan untuk pemeriksaan oleh Agensi Perkuasa Maritim Malaysia (APMM) Selangor.

Pengarah Maritim Negeri Selangor Kepten Maritim Y Siva Kumar berkata, pihaknya menahan dua bot nelayan tempatan bersama sembilan kru warga Indonesia kerana melanggar syarat sah lesen, kelmarin.

Menurutnya, tangkapan dibuat di kedudukan 22 batu nautika barat daya Sungai Besar, di sini.

Katanya, dua bot itu ditahan Kapal Maritim Bagin dan pengukuasaan di sekitar perairan Selangor.

"Bot nelayan pertama dikendalikan lima kru warga Indonesia termasuk tekong dirahan jam 1.30 petang. Manakala bot nelayan kedua ditahan 15 minit kemudian.

"Bot kedua dikendalikan empat kru termasuk tekong dan kesemuanya memabitkan warga Indonesia," katanya. Siva Kumar berkata, kedua-dua bot nelayan itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar



syarat sah lesen.

"Siasatan mendapati kru kedua-dua bot berjumlah 22 bingkang 62 tahun gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan sah.

"Sehubungan itu, semua kru bersama bot dan hasil tangkapan ikan campur dianggarkan seberat 700 kilogram (kg) ditahan dan di-

bawa ke Jeti Pasukan Polis Maritim, Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan yang sah.



WAN NUR ZAHIRAH bermesra dengan salah seekor kerbau albino kesayangan, Abu di kandang haiwan ternakannya di Kampung Padang Nipis, Marang semalam.

Abu dan Ali dibela sejak usia haiwan itu tiga bulan

## Kerbau elbino kawan baik Wan Nur Zahirah

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

**MARANG** – Seorang gadis di sini memilih dua ekor kerbau albino sebagai rakan karib disebabkan rasa sayang terhadap haiwan itu yang telah dijaga sejak usia tiga bulan.

Wan Nur Zahirah Wan Zunaidi, 18, dari Kampung Kubang Palas, Hulu Terengganu selesa menjadikan dua haiwan unik itu sebagai teman menghabiskan masa setiap hari.

Kerbau elbino yang dinamakan Abu dan Ali dibawa pulang untuk ternakan oleh bapanya, Wan Zunaidi Wan Jaafar, 45, sekitar dua tahun lalu.

"Kedua-dua kerbau albino ini baru berusia tiga bulan ketika di-

beli ayah daripada seorang pen-ternak lain di Kampung Kubang Palas, Hulu Terengganu.

"Saya tertarik kerana warna dan fizikal Abu dan Ali yang unik dan berbeza berbanding 40 ekor kerbau lain peliharaan kami sekeluarga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Wan Nur Zahirah berkata, walaupun sudah dilatih menternak kerbau sejak berusia tujuh tahun, dia mengambil masa hampir setahun untuk menjinakkan Abu dan Ali.

Tambahnya, rutin hariannya bermula dengan memotong rumput membersihkan kandang dan memberi makan kepada haiwan ternakannya termasuk Abu dan Ali.

"Pada sebelah malam pula, saya memberi makan dan memandikan kerbau-kerbau ternakan.

"Saya akan bermain dengan Abu dan Ali pada waktu senggang. Berbual-bual dengan dua kerbau albino berkenaan bagaikan terapi buat saya menghilangkan tekanan dan keresahan hidup," katanya.

Wan Nur Zahirah berkata, keluarganya pernah menerima tawaran RM8,000 setiap seekor bagi menjual Abu dan Ali baru-baru ini.

Begitupun, dia bertegas agar bapanya menolak tawaran lumayan itu kerana kedua kerbau albino tersebut sudah dianggap sebagai rakan karib.

# Projek jambatan Sungai Pulau jejas nelayan

Laluan keluar ke laut didakwa semakin kecil, cetek akibab longgokan bahan binaan

Oleh Togi Marzuki  
bhnews@bh.com.my

**Pontian.** Projek pembinaan jambatan merentasi Sungai Pulau sejauh 500 meter di Sungai Pulau, Kukup, di sini, sejak tiga tahun lalu didakwa menjejaskan mata pencarian nelayan.

Mereka mendakwa kira-kira 1,500 nelayan di lima pangkalan nelayan sekitar Sungai Boh hidup dalam kebimbangan kerana laluan keluar masuk semakin kecil dan cetek.

Wakil nelayan, Mohd Ikhwani Abd Rahman, 43, berkata pembinaan jambatan yang hanya kira-kira 200 meter dari beberapa pangkalan nelayan menyebabkan keluasan kawasan keluar masuk semakin kecil dan cetek.

Katanya, kerja pembinaan jambatan menyebabkan bahan binaan seperti batu dilonggok di tengah sungai, sekali gus menyebabkan nelayan sukar ke laut menangkap ikan.

"Demikianlah nasib nelayan di kawasan sekitar, pelbagai us-



Wakil Pangkalan Nelayan Sungai Boh, Kukup, Mohd Ikhwani Abd Rahman (kiri) menunjukkan projek jambatan yang merentasi Sungai Boh, Kukup Pontian.

ha dilakukan dengan membangun projek itu kepada pihak pema- kin masalah masih berlarutan.

"Berikutan itu, satu laporan polis di buat di Balai Polis Permas pada 18 Jun lalu," katanya.

Mohd Ikhwani berkata, selaku bekas Ketua Pangkalan Nelayan Sungai Boh, dia berharap pihak berkaitan mengambil tindakan sewajarnya demi membatu nasib nelayan yang antara mereka mempunyai ramai tanggungan termasuk anak masih bersekolah.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohamad Shafee Fayib, ketika dihubungi menegaskan menerima laporan daripada penduduk dan dirujuk kepada Persatuan Nelayan Johor.

Sementara itu, Pengerusi Peratuan Nelayan Johor, AZH Mohd



Nelayan di perairan Melaka Barat mencadangkan projek terowong dasar laut Melaka-Dumai dibina di lokasi lain.

## Syor ubah lokasi terowong dasar laut

**Masjid Tanah:** Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) mencadangkan kerajaan negeri membina terowong dasar laut Melaka-Dumai, Indonesia di lokasi lain berbanding di Telok Gong di sini.

Nelayan membantah projek berkenaan dilaksanakan di perairan Melaka Barat berikutan pelbagai projek yang memberi kesan terhadap sumber perikanan di kawasan berkenaan.

Pengerusinya, Mazelan Bakar, berkata walaupun setakat ini konsep cadangan projek itu masih belum jelas, kira-kira 300 nelayan di perairan Melaka Barat sudah menjangka impirai dari Tanjung Bidara ke Kuala Linggi sudah menjangka impirai negatifnya terhadap pendapatan mereka.

"Kami tidak menolak pembangunannya, tetapi terlahi banyak projek di perairan Melaka Barat yang mengancam rezeki nelayan dan kami mencadangkan projek terowong itu dibina di kawasan lain.

"Selain cadangan terowong dasar laut, turut dicadangkan di perairan yang sama ialah projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) yang dikuatirri bakal menjejaskan pendapatan kami," katanya di sini, semalam.

Mazelan berkata, kerja mengorek dasar laut untuk membina kedua-dua projek mega itu akan menyebabkan habitat hidupan marin seperti ikan, udang dan ketam, rosak.

Beliau mendakwa sejak 20 tahun lalu sumber perikanan di perairan itu semakin berkurangan dan satu daripada puncaknya adalah berikutan kerja mengorek pasir laut untuk penambakan pantai, terutama di kawasan Melaka Tengah.

"Kami amat berharap kerajaan negeri mengaji semula cadangan projek terowong dasar laut dan membandingkan rayuan kami sebelum ini untuk mendapatkan pampasan RM6.4 juta yang dijanjikan kepada kami berikutan pelaksanaan projek KLIP," katanya.

April lalu, EXCO Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusof, dilaporkan berkata kerajaan negeri bercadang menajuk panti Telok Gong sebagai tapak permulaan pembinaan terowong lu dan berakhir di Dumai, Sumatera.

Bellian berkata, terowong sepanjang kira-kira 47.7 kilometer (km) itu tidak membolehkan kewangan kerajaan negeri, sebaliknya dibayar sepenuhnya syarikat swasta.

Penduduk bina tebatan pastikan tanah subur pada musim kemarau

# Takung air elak sawah jadi kering

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** - Seramai 30 petani bekerja keras selama empat malam berturut-turut untuk membina tebatan bagi menakung air, sekali gus memastikan tanaman padi yang ditanam mereka terus subur ketika musim kemarau.

Kumpulan petani berkenaan bergotong-royong selama lima jam setiap hari bermula pukul 9 malam dengan mengisi pasir ke dalam guni bagi mengalirkan air dari parit ke sawah ketika Tidal Gate Kampung Lembah dibuka. Menurut wakil petani, Alias Mat Rani, 66, mereka melakukan usaha itu berikutan cuaca kemarau ketika ini yang boleh merencatkan proses pertumbuhan benih padi yang baru ditabur.

Menurutnya, semua petani sudah menanggung perit menanam padi di bendang berkenaan sejak 20 tahun lalu apabila tiada kerdahan sistem saliran dan pengaliran di kawasan berkenaan.

"Kami mengeluarkan wang sendiri untuk membeli tiga lori pasir dan mengisi ke dalam guni untuk menyekat pergerakan air parit apabila pintu kawalan air di Kampung Lembah dibuka.

"Sebelum ini, kami terpaksa menggunakan erjén pam untuk menyedut sumber air dari parit bagi menanam padi, namun ia memerlukan kami mengeluarkan



**SEBANYAKIAN** petani membina benteng untuk menakung air parit untuk disalurkan kawasan bendang Perakasi, Pasir Putih yang kering malam kelmarin. - TOREK SULONG

kos yang lebih tinggi," katanya ketika ditemui Kosmo! di bendang Perakasi di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Alias berkata, Pejabat Pembangunan Kawasan Pertanian (IADA) Kemasin-Se-

merak sepatutnya membantu petani dan bukan hanya membiarkan masalah yang dihadapi sejak sekian lama itu daripada terus berulang.

"Kami pertukan tali air dan pintu sekatan air yang lebih sistematik seperti yang disediakan di bendang lain di daerah ini.

"Bayangkan, lebih 20 tahun petani di sini memerah kerihngat dan mengeluarkan modal sendiri untuk mengusahakan tanaman padi seluas 118 hektar," katanya.

Sementara itu, Pengarah IADA, Rohani Jusoh ketika dihubungi berkata, pelaksanaan sistem pengaliran di kawasan itu akan dimulakan pada tahun depan selepas pihaknya meneliti beberapa aspek dan kajian yang perlu dijalankan di lapangan.

Meruutnya, IADA juga akan memperkenalkan benih padi tahan kemarau terutamanya di bendang yang kurang air menerusi satu takimat khas kepada petani yang akan diadakan di Kampung Gaal di sini pada 19 Jun nanti.

Kosmo! pada 30 Mei lalu melaporkan, kira-kira 30 pesawah yang mengusahakan kawasan bendang di Perakasi dan Chalok di sini terpaksa menggunakan kaedah lama iaitu bergantungan kepada air tadahan hujan untuk mengusahakan tanaman mereka sejak 20 tahun lalu.

Pesawah pening kepala setiap kali musim kemarau  
**'Kami guna air hujan untuk buat bendang'**

oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Kira-kira 30 pesawah pening kepala setiap kali musim kemarau kerana mereka terpaksa menggunakan kaedah lama iaitu bergantungan kepada air tadahan hujan untuk mengusahakan tanaman mereka sejak 20 tahun lalu.

KERATAN Kosmo! 30 Mei 2022.

## Seronok 'makan gaji' hasil titik peluh sendiri di kebun timun

**KOTA TINGGI** - Lima tahun berkecimpung dalam bidang pertanian membuatkan seorang graduan tidak lagi mengimpikan pekerjaan makan gaji yang sesuai dengan taraf pendidikannya.

Meskipun kerjayanya itu di luar bidang dipelajari, namun Anas Kyia Buliah, 31, tidak menyesal bahkan berasa bertuah apabila bekerja di kebun dengan menikmati hasil titik peluh sendiri.

Anas yang kini mengusahakan tanaman timun secara fertigasi di tanah seluas 0.8 hektar di Bandar Tenggara berkata, dia mampu meraih pendapatan mencecah RM30,000 semusim.

"Sebelum ini, sudah banyak permohonan kerja dibuat, namun belum ada. Bagi meneruskan hidup, saya melakukan pelbagai kerja dan duit itu digunakan untuk membeli barangan untuk projek fertigasi.

"Kami mohon tanah kebun ini secara komuniti untuk diusahakan. Saya ambil masa enam hingga tujuh bulan untuk membeli barangan sedikit demi sedikit dan memulakan tanam dengan 2,000 polibeg," katanya ketika ditemui di Bandar Tenggara semalam.



**ANAS** menyusun timun yang baru dipetik untuk dijual kepada pemborong ketika ditemui di Kota Tinggi semalam.

Anas mengusahakan tanaman terung, cili dan rock melon sebelum ini sebelum menukarkan kepada timun.

"Kebun ini mampu mengeluarkan hasil 25 tan timun dalam semusim," katanya.

Anas berkata, pelbagai cabaran dilalui antaranya pernah ditipu, mengalami kerugian

dan kejatuhan harga timun yang sangat rendah.

"Saya gembira dengan apa saya lakukan sekarang dan memang tidak terfikir untuk mencaj kerja makan gaji. Bahkan saya merancang untuk membeli tanah bagi meluaskan lagi tanaman ini," kata graduan Universiti Malaysia Sarawak itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2022	HARAKAH	FIKRAH	F1

# SWEET NIRA TERENGGANU

“ Kita bercakap tentang penanaman kelapa dan fokus kita adalah tiga produk. Pertama, penghasilan kelapa santan. Kedua, kelapa muda dan ketiga, air nira atau orang Terengganu panggil air tuak, yang telah dijenamakan air minuman isotonik pada hari ini sebagai Sweet Nira Terengganu.”

• **DR AZMAN IBRAHIM**  
 – Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri



# Minuman Isotonik 'Sweet Nira' Terengganu

Oleh KHAIRUL AZLAM  
MOHAMAD

**MARANG:** Kerajaan Terengganu hari ini melalui Jabatan Pertanian Negeri Terengganu telah mengkomersial sejenis minuman "tuak" atau lebih dikenali air nira bagi masyarakat di Terengganu, dengan penjenamaan semula sebagai minuman isotonik "Sweet Nira Terengganu."

Tuak selama ini dirujuk kepada sejenis minuman beralkohol tradisi yang popular dalam kalangan masyarakat asli atau bumiputera di kawasan Nusantara dari Indonesia dan Malaysia.

Ia pada asasnya merupakan sejenis minuman yang terhasil daripada pemeraman bahan tertentu, jenis bahan tersebut bergantung kepada suku kaum yang menghasilkannya.

Makan, bagi masyarakat Kelantan dan Terengganu pula, perkataan tuak merujuk kepada nira (air minuman yang dihasilkan daripada mayang kelapa yang kandungan gulanya belum bertukar kepada "alkohol." Umumnya, di Malaysia terdapat tiga jenis tuak yang diketahui iaitu tuak beras, tuak kelapa dan tuak nipah.

Agenda kita kali ini, berkaitan dengan kelapa. Orang Terengganu panggil "Niyur", orang pulih (Inggeris) panggil "Coconut" dan orang Arab panggil, "Jauzun hindiiyyun" dan semua itu sama sahaja.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tanaman kelapa antara fokus utama yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu sejak tahun 2019-2023.

Katanya, kadar penggunaan cukup sara diri (SSL) kelapa di negeri ini yang diperlukan sebanyak 70 peratus pada tahun 2023.

"Dalam untuk mencapai target ini, kita (Terengganu) masih memerlukan sekitar 200 hektar lagi pertambahan kawasan penanaman dan insya-Allah, kita mampu mencapainya.

"Kita bercakap tentang penanaman kelapa dan fokus kita adalah tiga produk. Pertama, penghasilan kelapa santan. Kedua, kelapa muda dan ketiga, air nira atau orang Terengganu panggil air tuak, yang telah dijenamakan air minuman isotonik pada hari ini sebagai Sweet Nira Terengganu," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Minuman Isotonik Sweet Nira (Air Nira) Terengganu di



Puan Farizan Hashim menunjukkan produk 'Sweet Nira Terengganu' yang dijenamakan semula daripada panggilan air nira.

Dr Azman memegang botol Sweet Nira Terengganu sambil disaksikan Zulkifli Amin (kiri). Sebuah jeti penambang yang terdapat di Dataran Batu Putih, Marang.



Dr Azman melakukan gimik menyadat (potong) mayang pokok untuk menghasilkan air nira.

Dataran Batu Putih, Marang, Terengganu, baru-baru ini.

Menurutnya, kerajaan negeri melihat air nira ini berpotensi dan mampu menjana pendapatan yang lumayan jika diuruskan dengan baik.

"Anggaran kasarnya, sebatang pokok kelapa yang tanpa pengairan, taran secara biasa sahaja boleh menghasilkan sekitar 2.3 liter air nira sehari.

"Purata RM10.00 perliter dan jika pekebun itu ada tanam 100 batang pokok kelapa, dalam sebulan dia mampu menjana pendapatan sekitar RM2,300 sehari atau RM69,000 sebulan. Satu pendapatan yang sangat lumayan," ujarnya.

Harakah dimaklumkan, di Terengganu sekarang ini ada seramai 28 pengusaha pekebun kelapa yang berdaftar serta



Ismail atau Pak Nasir melakukan aksi minum Sweet Nira Terengganu yang diserahkan oleh Dr Azman.

mempunyai Skim Pensijilan myGAP.

Mereka boleh menghasilkan air nira kira-kira 916,000 liter dengan pendapatan (tahunan anggaran sebanyak RM6.3 juta. Maknanya, industri air nira Terengganu ini boleh menjana pendapatan jutaan ringgit.

Sebab itu, kata Dr Azman lagi Jabatan Pertanian Terengganu melihat produk air nira ini satu potensi yang besar untuk dikomersialkan.

Tambahan pula, katanya minuman itu mendapat permintaan tinggi disebabkan beberapa khasiatnya yang semulajadi tanpa bahan pengawet, tanpa bahan kimia.

"Kandungan mineralnya, asid amino, vitaminnya telah terbukti

dan bukan satu minuman yang asing.

"Insya-Allah, kerajaan negeri Terengganu akan mengambil langkah sebaik-baiknya melalui Jabatan Pertanian Negeri Terengganu agar industri ini mampu menjadi industri yang mampu menyumbang kepada peningkatan sosial ekonomi rakyat kita, dan dalam masa yang sama mampu menyumbang kepada "food security" makanan negeri Terengganu," jelasnya.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat mengakui, permintaan terhadap air nira bagi pasaran tempatan untuk negeri Terengganu pun tidak mencukupi.

"Apabila kita (pengusaha) mempunyai Skim Pensijilan



Pengusaha Nisan Kerek, Puan Suri Abdul Ghani atau Mok Su menerima banner Pelancaran Minuman Isotonik Sweet Nira Terengganu daripada Dr Azman.

myGAP. Maknanya, produk kita ini boleh menembusi pasaraya-pasaraya ternama. Kita telah memenuhi syarat-syarat dari segi Amalan Pertanian Baik Malaysia," ujarnya.

Berkait dengan sasaran SSL 70 peratus itu, kata Dr Azman sebenarnya boleh dicapai kerana telah ada 1,000 ekar tanaman kelapa di Setiu.

"Kita ada kawasan Gedung Pengeluaran Makanan di daerah Setiu yang sedang dalam progress lebih kurang 1,000 ekar untuk tanaman kelapa.

"Ini satu projek yang diusahakan bersama Ladang Rakyat Terengganu dengan anak syarikat kerajaan negeri TACD (Terengganu Agrotech Development Corporation) Sdn Bhd.

"Ini termasuk daripada salah satu 18 program yang ada dalam Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu," tegasnya.

Selain air nira, produk lain seperti "gula merah" atau molases. Air Nira itu selain diminum begitu sahaja, ia boleh dijadikan gula merah atau nisan.

"Sekarang, kita ke arah tukar daripada menggunakan gula putih kepada gula merah atau molases.



Seorang peniaga gerai menerima banner Pelancaran Minuman Isotonik Sweet Nira Terengganu.

Molases ini baik untuk pesakit-pesakit kencing manis atau "Diabetis."

"Produk Sweet Nira Terengganu ini tidak memezhukan kepada kilang yang khusus. Sebab, air nira ini bukan untuk diproses tetapi kekalkan dia dalam keadaan semulajadi.

"Cuma proses penjenamaan dan pembotolan yang baik perlu dilakukan. Ianya, perlu disimpan

dalam suhu yang sejuk," jelasnya.

Hadir sama pada majlis penjenamaan semua air nira itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, merangkap Pengerusi MAFI Terengganu, Zulkifli Amin Mat Jusoh, Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Rozaidi Mamat, Pengarah LKIM, Rosli Mustafa dan Pengerusi Dataran Batu Putih, Nor Azman Hassan.



Moh Su atau Puan Suri sedang memasukkan manisan (Nisan) ke dalam bekas (Kerek) yang disediakan itu.



Dr Azman sedang memasak air nira untuk dijadikan Nisan dan disaksikan Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkifli Amin.



Seorang peniaga wanita menerima banner Pelancaran Minuman Isotonik Sweet Nira Terengganu.



Deretan gerai dan wakaif unbuik peniaga serta pengunjung Dataran Batu Putih, Marang.



Putera Daniel Solihin Abdullah sebagai pemenang pertandingan penjenamaan air nira kelapa negeri Terengganu dengan nama "Sweet Nira Terengganu" mendapat hadiah RM1,000.

# NST LEADER

## Market economics

Where equilibrium is in short supply

“ACCEPT high prices” must be the most perverse advice given this side of the University Chicago school of economics. Do liberal free-market economists understand the economy? Yes and no. They know that the market doesn't know best, but they are on a mission to spread a very dangerous idea: a market free of government interference. The World Bank and the International Monetary Fund are filled to the brim with such dismal scientists. Malaysia is not short of them either. The idea of a free market is dangerous because it is unreal. There is no nation on Earth that has an economy that is unregulated.

Or in the language of Cambridge University economist Ha-joon Chang, as stated in his myth-busting work *23 Things They Don't Tell You About Capitalism*: “There is no such thing as a free market.” The United Kingdom, the home of “market-knows-best” economist Adam Smith, and the United States are not free of government regulations in any sense. But free-market economists, according to Chang, hawk their made-in-Chicago logic thus: When the government dictates to market participants what they can and can't do, resources can't flow to their most efficient use. Enticing. Here is more: If people can't do things they find profitable they will stop doing them. Equally enticing. Here is Chang's retort: “A market looks 'free' only because we so unconditionally accept its underlying restrictions that we fail to see them.”

**Theory never marches to the drumbeat of reality, especially in economics.**

Now for the no. Free-market economists seem to miss an economic anomaly crying out for attention, as pointed out by Dr Tony Brauer to *The Guardian*: All markets are structured to serve the interests of particular groups, and rarely for the common good. Harsh but closer to the truth compared with the myths being spread by those who were schooled in Chicago and similar universities. Now everyone wants to be Milton Friedman or Friedrich Hayek. Brauer is right. The global capitalist systems didn't just pop up like that. They were constructed based on a particular vision — we will even say a worldview — of capitalism. It is hard not to conclude that inflation has similar ideological roots in many economies, our Malaysian one included. The government must stay out of the market and let it do whatever it wants. In the long run, demand and supply will meet and prices will settle at an equilibrium. Yes, only in economics textbooks. Theory never marches to the drumbeat of reality, especially in economics. Besides, don't forget what John Maynard Keynes, an economist who understood the economy better than Hayek, said: in the long run we all are dead. And that is the only equilibrium. But what good is that? Let's be blunt. The economy — a better word than market — is no economy without active participation of the government. Absent responsible government intervention, it will be the world we have now: a 1-99 per cent world. Even the World Economic Forum, the club of the world's billionaires, now admits free-market capitalism needs a big dose of compassion. Don't look for compassion in the profit-before-people private sector, the darling of “market-knows-best” economists. Try the government. A responsible one, that is. Yes, equilibrium is coming home to roost, to borrow an idea from Brauer, but it is going to the wrong address. The rich and the very rich. Government intervention, anyone?

## NEWS / Nation

RESTRICTIONS EASED

# SPECIAL PERMISSION TO EXPORT CHICKEN

Govt allows sale of 3 chicken items, but export ban on broilers remains

MAHANI ISHAK  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**S**PECIAL permission to export chicken and related products is allowed only in three instances. The ban on broiler exports remains in place.

The Agriculture and Food Industries Ministry said the ban from June 1, imposed in line with the cabinet's May 23 decision, is to ensure an adequate supply of chicken in the country.

The ministry said the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) had halted the export of live chickens, round chicken car-

cass, chicken meat cuts and chicken-based food products.

It said continuous monitoring is being done at the country's exit points by Maqis enforcement officers.

“However, after holding in-depth discussions with industry players and poultry associations on this matter, the government decided to permit the export of coloured broiler (*ayam daging berwarna*), including kampung and black chicken, all chicken-based products and parent stock day-old chicks,” it said in a statement yesterday.

It said the consignments must be handled appropriately by the permit owner.

“If there is a breach of this special permission, action under subsection 11(2) and 11(3) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) will be taken.

“If found guilty, one is liable to a maximum fine of RM100,000, a jail term of up to

six years, or both.

“For the second or subsequent offences, there will be a fine of not more than RM150,000 or a jail term of not more than seven years, or both,” it added.

The government, it said, would continue to monitor the country's chicken supply, which is improving and expected to stabilise from this month.

Queries or feedback on the chicken export ban can be emailed to [feedback@maqis.com.my](mailto:feedback@maqis.com.my).

Meanwhile, Selangor Poultry Breeders Association chairman Idrus Zainal Abidin said the special permission for the three chicken items would not disrupt supply in the country.

“For now, supply is getting better but the price varies from one place to another, depending on the stock from local farms.

“We expect the situation to return to normal in a month or two,” he said when asked on the special permission to export chicken to Singapore.



A chicken seller working at his stall in the Chow Kit market in Kuala Lumpur on Monday. The special permission to export three chicken items will not disrupt the country's supply, says Selangor Poultry Breeders Association chairman Idrus Zainal Abidin (inset). PIC BY ASYRAF HAMZAH

**STRAITS TIMES**

Published by: The New Straits Times Press (M) Bhd,  
31, Jalan Riang, 89100 Kuala Lumpur

LOKMAN MANSOR Group Editor

Tel: 1-300-22-8787 • Fax: 03-2066 9148

• Email: [news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my) • Online: [www.nst.com.my](http://www.nst.com.my)



The government's initiative to encourage efforts to grow grain corn will empower the chicken industry value chain. FILE PIC

IN KELANTAN, TERENGGANU

## 12,000 HECTARES IDENTIFIED FOR GRAIN CORN CULTIVATION

Farmers' group chief says it will reduce dependency on imported grains for poultry industry

MAHANI ISHAK  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HERE are 12,140 hectares of land in Kelantan and Terengganu that can be used for large-scale grain corn cultivation to reduce the country's dependency on imported grains for the poultry industry.

National Farmers' Organisation (Nafas) chairman Datuk Zamri Yaakob said the lands were owned by tobacco plant entrepreneurs.

"At a meeting held with the landowners recently, they (generally) agreed (with the plan to use the land to grow corn). But we need to have more discussions," he said yesterday.

On Tuesday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said Nafas and the National Cooperative Movement of Malaysia Bhd (Angkasa) would

embark on large-scale grain corn planting.

Nafas, he said, had set a goal of controlling 20 per cent of the chicken industry by producing 144 million birds a year, and Angkasa targeted 30 million birds annually.

Zamri said it was their priority to help the government reduce the country's reliance on grain corn imports used to produce chicken feed. At the same time, he said, it would stabilise the price of chicken.

"The PM's initiative to encourage efforts to grow our own grain corn will empower the chicken industry value chain. It will also provide jobs to farmers and boost the economy."

Meanwhile, the Federal Land Development Authority (Felda), in a statement, said it had been proactive in supporting the government's efforts, including addressing food security issues, in line with the five measures taken to ensure national food security.

Felda's Strategic Department said the agency planned to carry out a corn cultivation project on

3,700ha of land in collaboration with FGV Holdings Berhad to address the sharp increase in the price of livestock feed.

Felda will also boost the poultry industry through contract farms in collaboration with Ayamas Food Corporation Sdn Bhd with an investment of RM23 million.

"Felda has introduced initiatives such as the Settlers' Development Programme (PPP) in 2019 to diversify and increase the settlers' income through activities not based on palm oil and rubber," it said.

It also noted that the implementation of PPP projects included smart technology such as the observation, watering and voice activation systems.

Felda chairman Tan Sri Idris Jusoh said the agency's commitment to making the PPP a success was a big aspiration.

"This is not only to increase the income of Felda settlers and its new generation but also to help



Tan Sri Idris Jusoh

the national agenda through strong support for the success of the National Food Security Policy."

In addition, this PPP initiative helps to support this policy by increasing the self-sufficiency rate, thus reducing food import dependency.

To date, 8,543 PPP projects have been approved to be carried out individually and through the involvement of cooperatives and settler bodies to benefit 56,959 settlers and their new generation. **Bernama**



Datuk Zamri Yaakob